



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

eISSN 2716-6813



9 772716 681002

SOROTAN STATISTIK

EKONOMI MALAYSIA

SIRI 6 | 2023



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 6 | 2023

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *"Connecting the World with Data We Can Trust"*.

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <http://twitter.com/StatsMalaysia>
Instagram : <http://instagram.com/StatsMalaysia>

Diterbitkan pada 27 Jun 2023.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

02	SOROTAN PENTING	
04	INDIKATOR EKONOMI UTAMA	
06	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
10	RENCANA	
17	SNAPSHOT	
18	PERTANIAN	29
23	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	33
25	PERKHIDMATAN	38
		42
		46
		60
		61
		SEKTOR LUARAN
		SENARIO BURUH
		HARGA
		WAY FORWARD
		INDIKATOR EKONOMI
		AHLI MESR
		PENGHARGAAN

SOROTAN PENTING


- Prospek Ekonomi Global oleh Bank Dunia melaporkan sorotan kelembapan dalam pertumbuhan global dan kemungkinan peningkatan tekanan kewangan dalam pasaran baharu muncul dan ekonomi membangun (EMDE) didorong oleh kadar faedah global yang tinggi. Oleh itu, ekonomi global dijangka menyederhana pada 2.1 peratus pada 2023 (2022: 3.1%) dengan ekonomi maju dijangka mengalami kelembapan yang ketara, menyusut daripada pertumbuhan 2.6 peratus pada 2022 kepada 0.7 peratus pada 2023.
- Pertumbuhan EMDE bagi tahun 2023 dijangka mencapai 4.0 peratus, terutamanya didorong oleh kebangkitan semula aktiviti ekonomi di China, yang dijangka memulih kepada 5.6 peratus pada 2023. Sekiranya dikecualikan China, kadar pertumbuhan EMDE dianggarkan perlahan kepada 2.9 peratus, berbanding 4.1 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ekonomi Malaysia dan Viet Nam diramalkan menyederhana mengambil kira pengembangan perlahan perdagangan barangan global. Pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjurkan pada 4.3 peratus, manakala Viet Nam diramalkan mencapai 6.0 peratus. Di samping itu, ekonomi Malaysia berkembang 5.6 peratus pada suku tahun pertama 2023 didorong oleh semua sektor khususnya sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan.
- United Kingdom meramalkan peningkatan 0.2 peratus dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bulanan pada April 2023, selepas merekodkan kejatuhan 0.3 peratus pada Mac 2023. Ekonomi Canada dijangka berkembang 0.2 peratus pada April 2023.
- Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 13.7 peratus berbanding Mac 2023 kepada 23,460 tan metrik pada April 2023, manakala tahun ke tahun meningkat 3.4 peratus (April 2022: 22,695 tan metrik). Meninjau statistik kelapa sawit, buah tandan segar yang dihasilkan pada Mei 2023 ialah 7,686,113 tan metrik, meningkat 26.0 peratus berbanding April 2023. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan peningkatan 3.1 peratus berbanding Mei 2022 (7,457,961 tan metrik).
- Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) jatuh 3.3 peratus pada April 2023, merosot daripada pertumbuhan positif 3.2 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan pada April 2023 disumbangkan oleh penguncupan dalam semua sektor, khususnya Perlombongan (-4.9%), Pembuatan (-3.0%), dan Elektrik (-2.0%). Pada masa yang sama, nilai jualan sektor Pembuatan direkodkan pada RM145.0 bilion pada April 2023, menyusut 2.0 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan positif 8.0 peratus pada Mac 2023 didorong oleh prestasi subsektor Makanan, minuman & tembakau (-12.7%); Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain (-4.9%); dan Petroleum, kimia, getah & plastik (-3.1%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, nilai jualan kembali kepada pertumbuhan negatif 7.2 peratus berbanding peningkatan 7.6 peratus yang dicatatkan pada Mac 2023.
- Pada masa yang sama, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit berjumlah RM136.0 bilion pada April 2023, bertumbuh 6.3 peratus tahun ke tahun. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh subsektor Perdagangan Runcit yang meningkat 12.9 peratus kepada RM60.5 bilion dan diikuti oleh Perdagangan Borong yang meningkat 3.2 peratus kepada RM60.9 bilion.
- Dari segi harga, inflasi Malaysia pada April 2023 mereda kepada 3.3 peratus berbanding Mac 2023 (3.4%). Peningkatan dalam IHP Malaysia disumbangkan oleh Restoran & Hotel (6.6%) dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (6.3%). Namun begitu, peningkatan sederhana dalam kumpulan Pengangkutan sebanyak 2.3 peratus (Mac 2023: 2.4%) telah memperlambatkan keseluruhan IHP Malaysia. Inflasi Malaysia terus mereda kepada 2.8 peratus pada Mei 2023 dengan mata indeks mencatatkan 130.2 berbanding 126.6 pada bulan yang sama tahun sebelumnya
- Sejalan dengan itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) jatuh 3.0 peratus pada April 2023, selepas menunjukkan penurunan 2.9 peratus pada Mac 2023 disumbangkan oleh penurunan oleh sektor Pertanian, perhutanan & perikanan serta Perlombongan. Pertanian, perhutanan & perikanan terus menyusut selama 10 bulan berturut-turut, dengan penurunan 26.0 peratus (Mac 2023: -28.7%) pada April 2023, diikuti oleh sektor perlombongan (-4.7%) dipengaruhi terutamanya oleh prestasi negatif indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-12.5%). Sebaliknya, sektor Pembuatan meningkat 0.1 peratus diikuti oleh sektor Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat 3.2 peratus dan 0.1 peratus. Di samping itu, IHPR pada Mei 2023 terus menurun kepada negatif 4.6 peratus

- Dari segi prestasi perdagangan luar negeri, jumlah perdagangan Malaysia merosot 14.5 peratus daripada RM231.7 bilion pada April 2022 kepada RM198.0 bilion pada April 2023. Pertumbuhan negatif ini dipengaruhi oleh penurunan dalam kedua-dua eksport dan import. Nilai eksport menurun 17.4 peratus kepada RM105.4 bilion, manakala import menyusut 11.1 peratus kepada RM92.6 bilion. Lebihan dagangan susut 45.3 peratus berbanding RM12.8 bilion pada setahun yang lalu. Pada Mei 2023, prestasi perdagangan Malaysia meneruskan aliran negatifnya, namun pada kadar yang lebih baik. Jumlah dagangan susut 2.0 peratus daripada RM228.3 bilion pada bulan yang sama tahun lepas kepada RM223.8 bilion. Eksport menurun secara marginal 0.7 peratus kepada RM119.6 bilion, manakala import berkurang 3.3 peratus kepada RM104.2 bilion. Sementara itu, lebihan dagangan meningkat 21.4 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM15.4 bilion.
- Melihat dari sudut senario buruh, bilangan penduduk bekerja meningkat 0.2 peratus, atau bertambah 28.4 ribu orang kepada 16.25 juta orang (Mac 2023: 16.22 juta orang). Berbanding tempoh yang sama tahun lalu, terdapat peningkatan 397.9 ribu orang atau 2.5 peratus. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) pada April meningkat kepada 70.0 peratus berbanding Mac 2023 (69.9%), manakala tahun ke tahun, meningkat 0.6 mata peratusan (April 2022: 69.4%).
- Indeks Pelopor (IP) Malaysia jatuh kepada negatif 2.7 peratus kepada 108.4 mata pada April 2023, menyusut daripada 111.4 mata pada tahun sebelumnya. Kesemua komponen IP menunjukkan penurunan, menyumbang kepada prestasi yang lebih rendah, kecuali Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan yang mencatatkan peningkatan. Pada masa yang sama, prestasi bulanan IP jatuh 1.6 peratus pada April 2023, berbanding penurunan 1.1 peratus pada bulan sebelumnya. Selain daripada Jangkaan Nilai Jualan dalam Pembuatan, kebanyakan komponen menunjukkan penurunan sebanding. Kadar pertumbuhan IP terlicin pada bulan April kekal di bawah aliran 100.0 mata untuk bulan ketujuh berturut-turut, menggambarkan prospek ekonomi Malaysia yang tidak menentu dalam jangka masa terdekat dengan keadaan ekonomi global semasa.

INDIKATOR EKONOMI UTAMA


Indeks Pelopor

10.8%
APRIL 2023




Kadar Pengangguran

3.5%
APRIL 2023




Pengeluaran Buah Tandan Segar

3.1%
MEI 2023




Pengeluaran Getah Asli

3.4%
APRIL 2023




Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

-3.3%
APRIL 2023



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

-2.0%
APRIL 2023




Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun


Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

6.3%
APRIL 2023




Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

4.7%
APRIL 2023




Eksport

-0.7%
MEI 2023




Import

-3.3%
MEI 2023




Indeks Harga Pengguna (IHP)

2.8%
MEI 2023



Indeks Harga Pengeluaran (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-4.6%
MEI 2023



Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Ekonomi Dunia

Laporan Prospek Ekonomi Global oleh Bank Dunia, yang dikeluarkan pada Jun 2023, menekankan bahawa kelembapan ketara dalam pertumbuhan global dan kemungkinan berlakunya peningkatan tekanan kewangan dalam pasaran baharu dan ekonomi membangun (EMDE) disebabkan oleh kadar faedah global yang tinggi.

Menurut ramalan Bank Dunia, pertumbuhan ekonomi global dijangka menyederhana kepada 2.1 peratus pada tahun 2023 daripada 3.1 peratus pada tahun 2022. Ekonomi maju dijangka mengalami kelembapan yang ketara, turun daripada 2.6 peratus pada tahun 2022 kepada 0.7 peratus pada tahun 2023. Sementara itu, pertumbuhan EMDE bagi tahun 2023 dijangka mencapai 4.0 peratus, terutamanya didorong oleh pemulihan aktiviti ekonomi di China. Tidak termasuk China, kadar pertumbuhan dianggarkan perlahan kepada 2.9 peratus, berbanding 4.1 peratus pada tahun sebelumnya.

Ramalan terkini jelas menunjukkan bahawa gabungan kesan pandemik, pencerobohan Russia ke atas Ukraine, dan kelembapan ekonomi yang ketara disebabkan oleh keadaan kewangan global yang mencabar telah mengakibatkan kemerosotan yang berpanjangan kepada ekonomi global. Kemerosotan ini dijangka berterusan pada masa hadapan.

Berikutan pemulihan yang kukuh pada 2022, Bank Dunia meramalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia dan Vietnam akan menjadi sederhana apabila pengembangan perdagangan barangan global semakin perlahan. Pertumbuhan Malaysia diunjurkan pada 4.3 peratus, manakala Vietnam diramalkan mencapai 6.0 peratus. Sebaliknya, China dijangka menyaksikan pemulihan dalam pertumbuhan, dengan kadar unjuran 5.6 peratus pada 2023. Pembukaan semula ekonomi dan akses lebihan dana terakru dijangka merangsang perbelanjaan isi rumah, terutamanya pada *contact-intensive services*, yang akan menyokong pertumbuhan ini.

Jadual 1: Pertumbuhan KDNK Sebenar dan Prospek Ekonomi Global oleh Bank Dunia, 2020-2025

Negara	2020	2021	2022e	2023f	2024f	2025f
Dunia	-3.1	6.0	3.1	2.1	2.4	3.0
Ekonomi Maju	-4.3	5.4	2.6	0.7	1.2	2.2
United States	-2.8	5.9	2.1	1.1	0.8	2.3
Euro Area	-6.1	5.4	3.5	0.4	1.3	2.3
Japan	-4.3	2.2	1.0	0.8	0.7	0.6
Pasaran Baharu dan Ekonomi Membangun	-1.5	6.9	3.7	4.0	3.9	4.0
China	2.2	8.4	3.0	5.6	4.6	4.4
Indonesia	-2.1	3.7	5.3	4.9	4.9	5.0
Thailand	-6.1	1.5	2.6	3.9	3.6	3.4
Malaysia	-5.5	3.1	8.7	4.3	4.2	4.2
Philippines	-9.5	5.7	7.6	6.0	5.9	5.9
Vietnam	2.9	2.6	8.0	6.0	6.2	6.5
Brazil	-3.3	5.0	2.9	1.2	1.4	2.4
Mexico	-8.0	4.7	3.0	2.5	1.9	2.0
Argentina	-9.9	10.4	5.2	-2.0	2.3	2.0
Saudi Arabia	-4.3	3.9	8.7	2.2	3.3	2.5

Sumber: Prospek Ekonomi Global Jun 2023, Bank Dunia
Nota: e = anggaran; f = unjuran

Office for National Statistics (ONS), United Kingdom menganggarkan pertumbuhan 0.2 peratus pada April 2023 dalam keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar bulanan, berikutan penurunan sebanyak 0.3 peratus pada Mac 2023. Sektor Perkhidmatan mengalami pertumbuhan 0.3 peratus, pulih daripada penurunan sebanyak 0.5 peratus pada bulan sebelumnya. Ia memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan KDNK keseluruhan pada bulan April, terutamanya disumbangkan oleh Perdagangan borong dan runcit serta subsektor Pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal. Sementara itu, output dalam perkhidmatan yang dihadapi pengguna meningkat sebanyak 1.0 peratus, didorong oleh aktiviti Perkhidmatan Makanan dan minuman, yang meningkat sebanyak 2.0 peratus.

Anggaran awalan menunjukkan bahawa ekonomi Canada dijangka berkembang sebanyak 0.2 peratus pada April 2023. Sektor Perlombongan, pengkuari, dan Pengekstrakan minyak & gas, bersama-sama dengan Pengangkutan dan pergudangan, serta aktiviti yang melibatkan Ejen hartanah dan broker, menyumbang kepada pertumbuhan ini. Walau bagaimanapun, penurunan telah diperhatikan dalam sektor Perdagangan borong dan runcit, serta dalam Pentadbiran awam, mengimbangi sebahagian aliran positif keseluruhan.

Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 8.7 peratus pada tahun 2022, meningkat daripada 3.3 peratus pada tahun sebelumnya. Ini merupakan pertumbuhan tahunan tertinggi yang dicatatkan dalam 22 tahun (2000: 8.9%). Prestasi memberangsangkan itu disumbangkan oleh pertumbuhan positif dalam semua sektor, terutamanya sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang menyumbang 82.4 peratus daripada jumlah KDNK, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2. KDNK Malaysia pada harga semasa berjumlah RM1.79 trilion pada 2022, berbanding RM1.51 trilion pada harga malar.

Prestasi ekonomi pada suku pertama tahun 2023, berkembang 5.6 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 7.1 peratus pada suku sebelumnya, dipacu oleh semua sektor, khususnya sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, meningkat sebanyak 7.3 peratus, disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan, Perkhidmatan perniagaan dan Makanan & minuman dan penginapan. Sektor Pembuatan berkembang sederhana sebanyak 3.2 peratus, diterajui oleh produk Elektrik, elektronik & optik, diikuti oleh Peralatan pengangkutan, pembuatan dan pembaikan lain serta Minyak & lemak sayuran & haiwan dan produk pemprosesan makanan. Sementara itu, prestasi sektor Pembinaan disumbangkan oleh pertumbuhan positif dalam Kejuruteraan awam, Aktiviti pembinaan khusus dan Bangunan bukan kediaman.

Jadual 2: Perubahan Peratusan Tahunan KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2021 – 2022 dan ST1 2022 – ST1 2023 (%)

Jenis Aktiviti Ekonomi	2021	2022	2022				2023
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
KDNK	3.3	8.7	4.8	8.8	14.1	7.1	5.6
Perkhidmatan	2.2	10.9	6.4	11.9	16.7	9.1	7.3
Pembuatan	9.5	8.1	6.7	9.2	13.1	3.9	3.2
Pertanian	-0.1	0.1	0.1	-2.3	1.2	1.1	0.9
Perlombongan & pengkuarian	0.9	2.6	-2.2	-1.7	9.1	6.3	2.4
Pembinaan	-5.1	5.0	-6.1	2.5	15.3	10.1	7.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Pada April 2023, sektor Pembuatan merekodkan nilai jualan RM145.0 bilion, terendah sejak Mei 2020, dengan penurunan 2.0 peratus berbanding RM147.9 bilion yang dilaporkan pada tahun sebelumnya. Penurunan ini dipengaruhi oleh penyusutan dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (-12.7%); Peralatan pengangkutan & perkilangan lain (-4.9%); dan Petroleum, kimia, getah & plastik (-3.1%). Dari segi pertumbuhan bulan ke bulan, nilai jualan menguncup 7.2 peratus berbanding pertumbuhan 7.6 peratus pada Mac 2023. Sementara itu, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 3.3 peratus pada April 2023 berbanding 3.2 peratus pada bulan sebelumnya disebabkan penguncupan dalam semua sektor iaitu Perlombongan (-4.9%), Pembuatan (-3.0%) dan Elektrik (-2.0%).

Dalam pada itu, prestasi nilai jualan bagi Perdagangan borong & runcit meningkat 6.3 peratus kepada RM136.0 bilion pada April 2023. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh Perdagangan runcit dan Perdagangan borong, yang masing-masing meningkat 12.9 peratus kepada RM60.5 bilion dan 3.2 peratus (RM60.9 bilion). Bagaimanapun, Kenderaan bermotor susut 5.1 peratus kepada RM14.6 bilion. Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit mencatatkan 147.3 mata dengan pertumbuhan 4.7 peratus. Prestasi positif ini disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor Perdagangan runcit (10.0%) dan Perdagangan borong (3.4%).


Berdasarkan prestasi pertumbuhan tahunan pada April 2023, pengeluaran getah asli meningkat sebanyak 3.4 peratus untuk mencapai 23,460 tan (April 2022: 22,695 tan). Sementara itu, pengeluaran menurun sebanyak 13.7 peratus pada April 2023 berbanding Mac 2023 (27,188 tan). Pengeluaran getah asli pada April 2023 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil dengan sumbangan sebanyak 87.7 peratus, berbanding sektor estet (12.3%).

Tambahan pula, jumlah perdagangan Malaysia pada Mei 2023 berjumlah RM223.8 bilion, menurun sebanyak 2.0 peratus berbanding RM228.3 bilion pada bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Nilai eksport menurun sebanyak 0.7 peratus (RM119.6 bilion), manakala import menyusut sebanyak 3.3 peratus (RM104.2 bilion), menyebabkan lebih dagangan yang mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 21.4 peratus dengan nilai RM15.4 bilion.

Selain itu, Indeks Pelopor (IP) bagi Malaysia terus menyusut kepada negatif 2.7 peratus, mencatatkan 108.4 mata pada April 2023 berbanding 111.4 mata pada tahun sebelumnya. Penurunan direkodkan dalam kesemua komponen IP yang menghasilkan prestasi yang menyederhana kecuali Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan menunjukkan peningkatan. Pada masa yang sama, IP bulanan merosot sebanyak 1.6 peratus pada April 2023 berbanding negatif 1.1 peratus bulan sebelumnya. Selain daripada Jangkaan Nilai Jualan dalam Pembuatan, kebanyakan komponen juga mengalami penguncupan. Kadar pertumbuhan IP terlicin April kekal di bawah aliran 100.0 mata selama tujuh bulan berturut-turut, mencerminkan prospek ekonomi Malaysia yang mencabar dalam jangka masa terdekat dengan keadaan ekonomi global semasa.



Carta 2: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) AWALAN: FASA BAHARU STATISTIK MAKROEKONOMI YANG LEBIH BERKETEPATAN MASA

Bahagian Perangkaan Akaun Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PENGENALAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mengeluarkan Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) awalan yang lebih berketepatan masa dan signifikan kepada penggubal dasar, penyelidik dan pengguna statistik mulai bulan Julai 2023. Justeru itu, Malaysia akan menerbitkan KDNK suku tahunan sebanyak dua kali dalam satu suku tahunan: tiga (3) minggu selepas akhir suku tahun rujukan (dikenali sebagai “anggaran KDNK awalan”) dan tujuh (7) minggu selepas akhir suku tahun rujukan (dikenali sebagai “anggaran KDNK permulaan”).

Anggaran KDNK awalan suku tahunan dibangunkan untuk memenuhi permintaan bagi statistik makroekonomi yang berketepatan masa, khususnya daripada penggubal dasar. Anggaran KDNK awalan suku tahunan dijangka mendapat perhatian yang besar oleh pengguna dan media, kerana ia memberikan isyarat awal daripada sistem akaun negara berkenaan perkembangan terkini dalam ekonomi seawal tiga (3) minggu selepas akhir suku tahun rujukan. Biasanya, statistik KDNK suku tahunan dianggarkan dan dikeluarkan sekali dalam satu suku tahunan, iaitu tidak lewat daripada tujuh (7) minggu selepas akhir suku tahun rujukan.

Penyusunan anggaran awalan suku tahunan masih mematuhi garis panduan Sistem Akaun Negara yang dikeluarkan oleh International Monetary Fund (IMF), walaupun separa data digunakan. Tambahan pula, anggaran KDNK bulanan dihasilkan melalui penyusunan anggaran KDNK awalan suku tahunan, yang meletakkan Malaysia ke hadapan dalam menganggarkan KDNK jangka pendek. Ini adalah sejajar dengan amalan terbaik di negara-negara maju di mana DOSM telah mengambil inisiatif untuk menyusun anggaran KDNK awalan mulai suku tahun kedua 2020. Sebelum ini, statistik ini telah diedarkan terhad kepada pemegang taruh dalam tempoh tiga (3) minggu selepas akhir suku tahun rujukan.

PENYUSUNAN KDNK: MALAYSIA DAN NEGARA LAIN

KDNK Malaysia telah disusun pada tahun 1950-an secara tahunan, yang terdiri daripada KDNK pada harga semasa, dengan siri masa bermula pada tahun 1947. Seterusnya, penyusunan KDNK pada harga malar telah melalui beberapa fasa pengasasan semula kepada tahun asas 1970, 1978, 1987, 2000, 2005, 2010 dan tahun asas terkini 2015. Buat masa ini, KDNK Malaysia diukur dengan menggunakan tiga (3) pendekatan: pengeluaran, perbelanjaan dan pendapatan.

Bermula pada Jun 1999, DOSM mula menerbitkan anggaran KDNK yang lebih berketepatan masa, di mana anggaran KDNK suku tahunan disediakan dari suku tahun pertama 1991 hingga suku tahun pertama 1999 pada harga tetap 1987=100. Berikutan perubahan ini, statistik KDNK suku tahunan telah dikeluarkan selama kira-kira 24 tahun dalam sistem akaun negara Malaysia.

Anggaran KDNK awalan adalah selaras dengan amalan agensi statistik negara maju yang menghasilkan anggaran KDNK awalan untuk menggambarkan prestasi ekonomi negara terkini berdasarkan ketersediaan data dan penunjuk separa. Ini membolehkan statistik KDNK dihasilkan dalam tempoh tiga (3) minggu, atau kira-kira 21 hari selepas suku tahun rujukan. Ketersediaan anggaran KDNK awalan ini membolehkan Malaysia setanding dengan negara maju lain seperti Singapore, South Korea, Hong Kong, Taiwan, Japan dan United States (**Jadual 1**).

Jadual 1a : Perbandingan Tarikh Keluaran Statistik KDNK Suku Tahunan bagi Negara Terpilih

Negara	Tarikh keluaran KDNK ST1 2023	Bilangan hari dari suku tahunan rujukan (Jan-Mac)
United States of America	27 April (<i>Advance estimates</i>) 25 Mei (<i>Second estimates</i>) 29 Jun (<i>Third estimates</i>)	27 hari
European Union	28 April (<i>Preliminary Flash</i>) 16 Mei (<i>Flash estimates</i>) 8 Jun (<i>Revised</i>)	28 hari
United Kingdom	12 Mei (<i>Estimates</i>) 30 Jun (<i>Revised</i>)	12 hari
Japan	17 Mei (<i>First Preliminary</i>) 8 Jun (<i>Second Preliminary</i>)	17 hari
Republic of Korea	25 April (<i>Advance estimates</i>) 2 Jun (<i>Preliminary</i>)	25 hari
Hong Kong	2 Mei (<i>Advance estimates</i>) 12 Mei (<i>Revised</i>)	32 hari
Taiwan	28 April (<i>Advance estimates</i>) 26 Mei (<i>Preliminary</i>)	28 hari
Singapore	14 April (<i>Advance estimates</i>) 25 Mei (<i>Official Estimates</i>)	14 hari
Indonesia	5 Mei 2023	35 hari
Thailand	15 Mei 2023	45 hari
Philippines	11 Mei 2023	41 hari
Malaysia	12 Mei 2023	42 hari

Sumber: Pelbagai portal *National Statistical Office (NSO)*

METODOLOGI

Konsep dan definisi yang digunakan adalah berdasarkan cadangan daripada Sistem Akaun Negara (SNA) 2008, Manual Akaun Negara Suku Tahunan dan pelbagai rujukan daripada institusi statistik antarabangsa. Anggaran KDNK awalan menyediakan pengukuran interim prestasi ekonomi negara berdasarkan jumlah maklumat yang belum lengkap yang tersedia pada masa ia dikeluarkan. Anggaran KDNK permulaan, yang disusun berdasarkan maklumat yang lebih komprehensif, akan menghasilkan indikator yang lebih tepat mengenai prestasi ekonomi. Oleh itu, anggaran KDNK awalan adalah tertakluk kepada semakan dan tidak dapat memberikan tahap komprehensif dan konsistensi yang sama seperti anggaran permulaan. Semakan semula adalah sangat bergantung kepada data dan indikator sebenar yang tersedia untuk suku tahun tersebut, terutamanya maklumat untuk bulan ketiga suku tahun rujukan, di mana data tidak tersedia semasa anggaran KDNK awalan.

Penyusunan anggaran KDNK awalan sebahagian besarnya adalah berdasarkan data dalam dua bulan pertama (m1 dan m2) suku tahun tersebut. Dalam melengkapkan siri data bagi suku tahun rujukan, penganggaran bagi bulan ketiga (m3) dilakukan dengan menggunakan beberapa kaedah, antaranya separa data survei bulanan bagi m3, teknik ekstrapolasi siri masa, analisis trend dan model ekonomi. Keputusan awal daripada survei mungkin juga tersedia dengan liputan separa. Menggunakan maklumat sebenar membolehkan unjuran nilai semasa indikator dibuat dengan memperoleh tempoh terkini menggunakan maklumat kontemporari yang berkaitan. Maklumat ini sangat membantu untuk meningkatkan kebolehpercayaan anggaran awalan.

1 m1 merujuk kepada bulan pertama. m2 merujuk kepada bulan kedua. Contohnya suku tahun pertama meliputi bulan Januari, Februari dan Mac, m1 adalah bulan Januari dan m2 adalah bulan Februari dan m3 adalah bulan Mac.

2 m3 merujuk kepada bulan ketiga.

Jika tiada maklumat berkaitan tersedia untuk keseluruhan suku tahun atau untuk satu atau dua bulan, penyelesaian terbaik ialah dengan menggunakan teknik ekstrapolasi siri masa untuk menganggarkan maklumat yang tiada. Dalam situasi biasa, kaedah sedemikian boleh menghasilkan ramalan yang boleh dipercayai untuk jangka pendek. Walau bagaimanapun, model siri masa tidak dapat mengesan perubahan mendadak dalam trend siri masa disebabkan oleh peristiwa ekonomi yang tidak dijangka. Maka itu, ketepatan dalam ramalan bergantung terutamanya kepada keupayaan untuk mengulangi corak siri tersebut, seperti trend dan kebermusiman terkini. Oleh yang demikian itu, penggunaan teknik ekstrapolasi bukanlah kaedah pilihan untuk menganggar maklumat yang tiada.

Sebagai prinsip umum, semua maklumat yang ada harus digunakan pada kekerapan tertinggi, dan jika angka suku tahunan diperoleh daripada data bulanan, jurang data harus diisi pada peringkat bulanan. Oleh itu, penyusunan anggaran awalan meliputi penyusunan bulan ke bulan (m1, m2 dan m3) dengan pendekatan tahap ekonomi yang terperinci sehingga ke peringkat ekonomi agregat (bottom-up approach). Gabungan penyusunan tiga bulan menghasilkan anggaran KDNK awalan suku tahunan. Walau bagaimanapun, anggaran KDNK bulanan lebih koheren selepas penyelarasan antara KDNK bulanan dan permulaan suku tahunan, iaitu tujuh (7) minggu selepas suku tahun rujukan apabila data yang lebih komprehensif tersedia.

PENEMUAN UTAMA ANGGARAN KDNK AWALAN

Secara umumnya, terdapat perbezaan dalam nilai dan pertumbuhan antara anggaran KDNK awalan dan KDNK preliminari yang disebabkan oleh ketersediaan data daripada pelbagai sumber. Berdasarkan Jadual 2, ekonomi Republic of Korea bertumbuh 0.8 peratus (KDNK awalan) berbanding 0.9 peratus (KDNK preliminari) pada suku tahun pertama 2023. Selain itu, Singapore mencatatkan pertumbuhan 0.1 peratus (KDNK awalan) berbanding 0.4 peratus (KDNK preliminari). Kedua-dua negara ini masing-masing menunjukkan perbezaan mata peratus pertumbuhan KDNK antara anggaran awalan dan preliminari sebanyak 0.1 dan 0.3 mata peratus. Oleh itu, perbezaan dalam pertumbuhan antara anggaran KDNK awalan dan preliminari iaitu kurang daripada satu mata peratusan, adalah diabaikan.

Jadual 1b: Statistik KDNK Awalan Suku Tahunan bagi Beberapa Negara Terpilih

Negara	Tarikh keluaran KDNK ST1 2023	Pertumbuhan (%)
United States of America	27 April (<i>Advance estimates</i>)	1.6
	25 Mei (<i>Second estimates</i>)	1.6
	29 Jun (<i>Third estimates</i>)	(belum diterbitkan)
European Union	28 April (<i>Preliminary Flash</i>)	1.3
	16 Mei (<i>Flash estimates</i>)	1.2
	8 Jun (<i>Revised</i>)	1.0
United Kingdom	12 Mei (<i>Estimates</i>)	0.2
	30 Jun (<i>Revised</i>)	(belum diterbitkan)
Japan	17 Mei (<i>First Preliminary</i>)	1.3
	8 Jun (<i>Second Preliminary</i>)	1.9
Republic of Korea	25 April (<i>Advance estimates</i>)	0.8
	2 Jun (<i>Preliminary</i>)	0.9
Hong Kong	2 Mei (<i>Advance estimates</i>)	2.7
	12 Mei (<i>Revised</i>)	2.7
Taiwan	28 April (<i>Advance estimates</i>)	-3.0
	26 Mei (<i>Preliminary</i>)	-2.9
Singapore	14 April (<i>Advance estimates</i>)	0.1
	25 Mei (<i>Official Estimates</i>)	0.4

Sumber: Pelbagai portal *National Statistical Office (NSO)*

Berdasarkan penyusunan DOSM, perbezaan dalam pertumbuhan KDNK antara anggaran awalan dan KDNK permulaan bermula dari suku tahun kedua 2020 hingga suku tahun pertama 2023 adalah kurang daripada satu (1) mata peratusan. Walaupun terdapat sedikit perbezaan antara pertumbuhan anggaran awalan dan KDNK permulaan, trend tersebut masih dalam trend yang sama. Ini boleh digunakan sebagai indikator awal prestasi ekonomi secara umum serta keberkesanan program yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengimbangi kesan ketidaktentuan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Ia juga boleh memberi gambaran keseluruhan prestasi mengikut sektor ekonomi utama bagi membolehkan kerajaan mengambil tindakan sewajarnya bagi pemulihan ekonomi di sektor yang terjejas.

PENERBITAN KDNK SUKU TAHUNAN

Anggaran KDNK awalan suku tahunan harus dilihat sebagai maklumat pelengkap kepada anggaran KDNK suku tahunan yang terperinci dan komprehensif, bukan sebagai penggantinya. Oleh itu, negara yang menghasilkan anggaran awalan cenderung untuk mengeluarkan maklumat agregat sahaja, seperti kadar pertumbuhan KDNK (Bab 10, perenggan 2, manual QNA 2017).

Keluaran anggaran KDNK awalan Malaysia yang akan datang dalam tempoh tiga (3) minggu selepas suku tahun rujukan hanya meliputi KDNK mengikut kaedah pengeluaran untuk lima (5) sektor ekonomi utama, iaitu Pertanian, Perlombongan dan kuari, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Anggaran kedua, yang dikenali sebagai KDNK permulaan suku tahunan, akan merangkumi kedua-dua KDNK mengikut kaedah pengeluaran dan perbelanjaan dengan pecahan yang lebih terperinci untuk memberikan gambaran keseluruhan tentang keadaan ekonomi negara dengan ketersediaan lebih banyak data dan indikator yang berkaitan.

Sementara itu, penyusunan anggaran KDNK awalan membolehkan KDNK disusun secara bulanan untuk kaedah pengeluaran dan diterbitkan bersama KDNK suku tahunan. Statistik KDNK bulanan yang diterbitkan pada masa ini terhad kepada kadar pertumbuhan sahaja. Statistik terperinci KDNK setiap bulan akan disediakan sebaik sahaja data dan indikator yang digunakan dalam penyusunan KDNK bulanan tersedia melalui survei yang dijalankan oleh DOSM dan data pentadbiran daripada agensi berkaitan.

KALENDAR PENERBITAN KDNK SUKU TAHUNAN

Anggaran KDNK awalan suku tahunan akan diterbitkan kepada umum buat kali pertama pada suku kedua 2023, tiga (3) minggu selepas suku tahun rujukan. Ketersediaan anggaran KDNK awalan kepada umum membolehkan DOSM menyusun semula keluaran KDNK preliminari daripada enam (6) minggu kepada tujuh (7) minggu selepas suku tahun rujukan untuk mengambil kira data dan indikator yang lebih komprehensif yang diterima daripada sumber. Ini akan meminimumkan semakan semula KDNK awalan apabila KDNK dimuktamadkan dalam tempoh tiga tahun. Perubahan dalam tarikh keluaran untuk KDNK permulaan adalah seperti mana syor Special Data Dissemination Standard (SDDS) di bawah spesifikasi akaun negara. SDDS (<https://dsbb.imf.org/sdds/country/MYS/category>) telah diwujudkan oleh IMF untuk membimbing ahli yang mempunyai, atau mungkin mencari, akses kepada pasaran modal antarabangsa dalam penyediaan data ekonomi dan kewangan mereka kepada umum.

Jadual 1c: Tarikh Sebaran Anggaran KDNK Awalan dan KDNK Preliminari Suku Tahunan 2023

Suku Tahun Rujukan	Anggaran KDNK awalan	KDNK Preliminari
ST1 2023	-	12 Mei 2023 (Jumaat)
ST2 2023	21 Julai 2023 (Jumaat)	18 Ogos 2023 (Jumaat)
ST3 2023	20 Oktober 2023 (Jumaat)	17 November 2023 (Jumaat)
ST4 2023	22 Januari 2024 (Isnin)	16 Februari 2024 (Jumaat)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 6/ 2023

PENGELUARAN



Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Mei 2023: 7,686,113 tan metrik ▲ 3.1%
Apr 2023: 6,102,439 tan metrik ▼ -17.3%



Pengeluaran Getah Asli

Apr 2023: 23,460 tan metrik ▲ 3.4%
Mac 2023: 27,188 tan metrik ▲ 10.8%



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Apr 2023: ▼ -3.3%
Mac 2023: ▲ 3.2%



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

Apr 2023: RM145.0b ▼ -2.0%
Mac 2023: RM156.2b ▲ 8.0%



Nilai Jualan Sektor Perdagangan Borong & Runcit

Apr 2023: RM136.0b ▲ 6.3%
Mac 2023: RM138.5b ▲ 11.9%

SEKTOR LUARAN



Eksport

Mei 2023: RM119.6b ▼ -0.7%
*Apr 2023: RM105.4b ▼ -17.4%
Mac 2023: RM129.7b ▼ -1.4%



Import

Mei 2023: RM104.2b ▼ -3.3%
*Apr 2023: RM92.6b ▼ -11.1%
Mac 2023: RM103.0b ▼ -1.8%

* Seperti yang diterbitkan bagi bulan rujukan

PASARAN BURUH



Bilangan Penduduk Bekerja

Apr 2023: 16.25 juta orang ▲ 2.5%
Mac 2023: 16.22 juta orang ▲ 2.9%



Kadar Pengangguran

Apr 2023: 3.5%
Mac 2023: 3.5%

HARGA



Indeks Harga Pengguna (IHP)

Mei 2023: ▲ 2.8%
Apr 2023: ▲ 3.3%
Mac 2023: ▲ 3.4%



Indeks Harga Pengeluar (IHPR)


Mei 2023: ▼ -4.6%
Apr 2023: ▼ -3.0%
Mar 2023: ▼ -2.9%

PERTANIAN

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Mei 2023 meningkat 26.0 peratus kepada 7,686,113 tan metrik berbanding April 2023 (6,102,439 tan metrik) (**Carta3**). Perbandingan tahun ke tahun juga menunjukkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus berbanding Mei 2022 (7,457,961 tan metrik).

Carta 3: Pengeluaran Buah Tandam Segar, Januari 2022 - Mei 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet kelapa sawit pada Mei 2023 meningkat 23.0 peratus kepada 1.23 tan metrik/ha berbanding April 2023 (1.00 tan metrik/ha) (Jadual 1). Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet yang beroperasi di Sabah/Sarawak meningkat sebanyak 20.4 peratus kepada 1.24 tan metrik/ha (April 2023: 1.03 tan metrik/ha). Manakala purata hasil buah tandan segar di Semenanjung Malaysia meningkat sebanyak 26.0 peratus kepada 1.21 tan metrik/ha (April 2023: 0.96 tan metrik/ha).


Jadual 3: Purata Penghasilan Buah Tandam Segar Mengikut Kawasan, Januari 2022 - Mei 2023 (Tan Metrik/Ha)

Wilayah	2022												2023				
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei
Malaysia	1.10	0.99	1.18	1.17	1.20	1.26	1.28	1.45	1.51	1.54	1.45	1.38	1.19	1.07	1.09	1.00	1.23
Semenanjung Malaysia	1.07	1.07	1.32	1.28	1.30	1.38	1.40	1.52	1.57	1.61	1.49	1.41	1.19	1.11	1.07	0.96	1.21
Sabah/ Sarawak	1.12	0.93	1.06	1.08	1.11	1.17	1.18	1.39	1.46	1.48	1.41	1.36	1.19	1.04	1.11	1.03	1.24

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing meningkat 26.8 peratus (Mei 2023: 1,517,546 tan metrik, April 2023: 1,196,782 tan metrik) dan 25.1 peratus (Mei 2023: 367,689 tan metrik, April 2023: 293,919 tan metrik). Pengeluaran minyak isirung sawit dan dedak isirung sawit masing-masing turut meningkat sebanyak 31.4 peratus (Mei 2023: 172,167 tan metrik, April 2023: 130,981 tan metrik) dan 33.2 peratus (Mei 2023: 190,719 tan metrik, April 2023: 143,202 tan metrik).


Carta 4: Pengeluaran Produk Utama Kelapa Sawit, Januari 2022 - Mei 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak isirung sawit dan dedak isirung sawit masing-masing meningkat 6.1 peratus (Mei 2023: 93,804 tan metrik, April 2023: 88,447 tan metrik) dan 4.2 peratus (Mei 2023: 177,877 tan metrik, April 2023: 170,772 tan metrik). Sebaliknya, eksport minyak sawit menurun 0.8 peratus. (Mei 2023: 1,079,020 tan metrik, April 2023: 1,087,541 tan metrik).


Carta 5: Eksport Minyak Sawit, Januari 2022 - Mei 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import minyak sawit dan minyak isirung sawit meningkat 87.7 peratus (Mei 2023: 80,926 tan metrik, April 2023: 43,118 tan metrik) dan 16.9 peratus (Mei 2023: 16,153 tan metrik, April 2023: 13,815 tan metrik).

Carta 6: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Januari 2022 - Mei 2023




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

PERTANIAN

Getah

Pengeluaran getah asli menurun 13.7 peratus pada April 2023 kepada 23,460 tan metrik berbanding 27,188 tan metrik yang direkodkan pada Mac 2023 seperti pada Carta 1. Perbandingan tahun ke tahun pengeluaran getah asli menunjukkan peningkatan 3.4 peratus (April 2022: 22,695 tan metrik).


Carta 7: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2022 – April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 6.6 peratus (April 2023: 495.00 sen sekilogram; Mac 2023: 530.11 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun 0.7 peratus (April 2023: 465.21 sen sekilogram; Mac 2023: 468.68 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 0.1 peratus hingga 6.6 peratus. *World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) kekal USD 1.36/kg dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 2.5 peratus (daripada USD1.58/kg kepada USD1.54/kg).


Carta 8: : Harga Purata Bulanan Bagi Getah Asli, April 2022, Mac 2023 dan April 2023



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli menurun 4.5 peratus pada April 2023 kepada 194,527 tan metrik berbanding 203,757 tan metrik pada Mac 2023. Perbandingan tahun ke tahun stok getah asli menunjukkan penurunan 36.2 peratus berbanding 304,839 tan metrik yang dicatatkan pada April 2022.


Carta 9: Stok Getah Asli, Januari 2022 – April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan domestik getah asli menunjukkan penurunan 0.5 peratus kepada 26,852 tan metrik berbanding 26,991 tan metrik pada Mac 2023. Perubahan tahunan pula menunjukkan penurunan 36.6 peratus (April 2022: 42,348 tan metrik).

Carta 10: Penggunaan Domestik, Januari 2022 – April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PERTANIAN

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 37,728 tan metrik pada April 2023 menurun 17.6 peratus berbanding Mac 2023 (45,789 tan metrik) dan turut menunjukkan penurunan 35.6 peratus dari 58,596 tan metrik pada bulan yang sama tahun sebelumnya. China terus mendominasi sebagai pengimport tertinggi getah asli iaitu 48.4 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada April 2023 diikuti Germany (11.7%), Pakistan (5.6%), Turkiye (3.9%) dan Portugal (3.3%).

Sarung tangan merupakan eksport utama produk berasaskan getah dengan kuantiti sebanyak 30,595 tan metrik pada April 2023, menurun sebanyak 34.7 peratus berbanding Mac 2023 (46,884 tan metrik). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah United States of America (10,033 tan metrik), Japan (2,316 tan metrik) dan Germany (1,515 tan metrik) seperti pada Jadual 1.

Jadual 4: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Tangan Getah, Mac 2023 dan April 2023


Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Mac 2023	April 2023	Mac 2023	April 2023
United States of America	12,648	10,033	364.6	292.5
Japan	2,853	2,316	87.2	69.2
Germany	2,839	1,515	72.4	42.3
China	3,111	1,488	57.9	27.9
Brazil	1,937	1,205	32.5	20.8
United Kingdom	2,266	1,138	56.1	24.4
Spain	1,380	1,021	29.7	26.1
Republic of Korea	950	816	26.2	22.1
Netherlands	941	762	29.7	21.2
Canada	1,099	746	27.7	19.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia menyusut kepada negatif 3.3 peratus pada April 2023 berbanding positif 3.2 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya (Carta 1). Penurunan pada April 2023 adalah didorong oleh semua sektor, iaitu Perlombongan dengan negatif 4.9 peratus (Mac 2023: 0.8%); Pembuatan dengan negatif 3.0 peratus (Mac 2023: 4.1%); dan Elektrik dengan negatif 2.0 peratus (Mac 2023: 0.4%).

**Carta 11: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%),
Januari 2022 – April 2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan yang merupakan komponen terbesar bagi IPP merosot 3.0 peratus pada April 2023, dipengaruhi oleh penyusutan 3.5 peratus dalam industri berorientasikan eksport (Mac 2023: 3.6%) dan kejatuhan 2.1 peratus dalam industri berorientasikan domestik (Mac 2023: 5.0%). Penguncupan output berorientasikan eksport disumbangkan oleh kemerosotan dalam Pembuatan produk getah sebanyak 16.5 peratus dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal yang mencatatkan negatif 1.8 peratus. Pada masa yang sama, penurunan industri berorientasikan domestik adalah disebabkan terutamanya oleh Pembuatan kenderaan bermotor, trailer & semi-trailer (-15.5%); Pembuatan minuman (-5.5%); dan Pembuatan produk prosesan makanan (-4.9%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, sektor Pembuatan menguncup 11.4 peratus selepas mencatatkan 7.8 peratus pada Mac 2023.

IPP bagi beberapa negara rakan dagang utama Malaysia menunjukkan pertumbuhan negatif pada April 2023 seperti Taiwan (-22.9%), South Korea (-8.9%), Singapore (-6.9%), Thailand (-8.1%) dan Vietnam (-2.4%). Sementara itu, China dan United States of America (USA) merekodkan peningkatan masing-masing sebanyak 5.6 peratus dan 0.2 peratus.

Pengeluaran dalam sektor Perlombongan menyusut 4.9 peratus pada April 2023 (Mac 2023: 0.8%), dipengaruhi oleh kemerosotan berterusan dalam Indeks Gas Asli dengan 7.8 peratus dan kejatuhan marginal 0.9 peratus dalam Indeks Minyak Mentah & Kondensat. Berbanding Mac 2023, Indeks Perlombongan mencatatkan penurunan dua digit 10.7 peratus berbanding kenaikan 8.5 peratus yang direkodkan pada Mac 2023.

INDUSTRI DAN PEMBUATAN


Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia berjumlah RM145.0 bilion pada April 2023, menurun 2.0 peratus setelah mencatatkan pertumbuhan positif 8.0 peratus pada Mac 2023 (Carta 12). Kejatuhan ini dipengaruhi terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (-12.7%); Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain (-4.9%); dan Petroleum, kimia, getah & plastik (-3.1%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, nilai jualan menurun 7.2 peratus berbanding kenaikan 7.6 peratus yang direkodkan pada Mac 2023.

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang merangkumi 71.5 peratus daripada jumlah jualan merekodkan penyusutan 3.4 peratus pada April 2023 selepas mencatatkan momentum positif sejak Mei 2020. Namun begitu, industri berorientasikan domestik mengekalkan trend positif dengan pertumbuhan 1.6 peratus pada April 2023, meskipun pada kadar yang lebih perlahan berbanding 10.7 peratus yang dicatatkan pada Mac 2023. Berbanding bulan sebelumnya, kedua-dua industri berorientasikan eksport dan domestik berkurang 7.2 peratus.

Sementara itu, nilai eksport Malaysia pada April 2023 berjumlah RM105.4 bilion, menyusut 17.4 peratus berbanding April 2022. Penyusutan ini dipengaruhi terutamanya oleh penurunan dalam produk Elektrik & elektronik (E&E), barangan perkilangan logam serta kimia & bahan kimia. Eksport barangan perkilangan mendominasi keseluruhan eksport pada April 2023 dengan sumbangan 86.2 peratus, menguncup 15.5 peratus atau RM16.6 bilion kepada RM90.9 bilion.

Carta 12: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Januari 2022 – April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Survei Pembuatan Bulanan, jumlah pekerja dalam sektor Pembuatan adalah seramai 2.35 juta orang pada April 2023, meningkat 2.5 peratus berbanding 2.29 juta orang pada bulan yang sama tahun lalu. Kenaikan dalam jumlah pekerja didorong terutamanya oleh subsektor Produk makanan, minuman & tembakau (5.6%), Peralatan elektrik & elektronik (4.2%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (2.7%).

Selaras dengan peningkatan bilangan pekerja, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan meningkat sebanyak 3.9 peratus kepada RM8.02 bilion pada April 2023. Tambahan lagi, purata gaji & upah bulanan bagi setiap pekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 1.4 peratus berbanding setahun lalu dengan nilai RM3,413 manakala nilai jualan bagi setiap pekerja menurun 4.4 peratus kepada RM61,716.

Prospek sektor pembuatan dijangka kekal suram berikutan kelembapan ekonomi global ditambah dengan permintaan pasaran domestik yang lemah.


Perdagangan Borong dan Runcit

Perdagangan Borong & Runcit Malaysia merekodkan nilai jualan bulanan RM136.0 bilion, meningkat 6.3 peratus tahun ke tahun pada April 2023. Peningkatan ini merupakan pertumbuhan satu digit pertama selepas bertumbuh dua digit secara konsisten sejak April 2022.

Prestasi Nilai Jualan April 2023

Perdagangan Borong & Runcit meningkat 6.3 peratus pada April 2023, disumbangkan oleh peningkatan 12.9 peratus bagi subsektor Perdagangan Runcit berjumlah RM60.5 bilion. Perdagangan Borong juga berkembang sebanyak 3.2 peratus (+RM1.9 bilion) kepada RM60.9 bilion. Walau bagaimanapun, Kenderaan Bermotor jatuh sebanyak 5.1 peratus kepada RM14.6 bilion berbanding tempoh sama tahun lalu (**Paparan 1**).

-Paparan 1: Prestasi Perdagangan Borong & Runcit, April 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit menyusut sebanyak 1.8 peratus disebabkan oleh penurunan dalam Kenderaan Bermotor dan Perdagangan Borong, masing-masing berkurang 19.8 peratus dan 1.1 peratus.

Prestasi Perdagangan Runcit

Subsektor Perdagangan Runcit berkembang 12.9 peratus pada April 2023 disokong oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang melonjak 18.0 peratus atau RM3.6 bilion kepada RM23.4 bilion. Kumpulan lain di dalam subsektor ini juga merekodkan pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Barangan Lain (17.4%), Jualan Runcit di Kedai Khusus Menjual Bahan Api Kenderaan (19.6%), dan Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau (15.1%), (**Carta 13**). Bagi perbandingan bulan ke bulan, subsektor Perdagangan Runcit meningkat 3.1 peratus.

Carta 13: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, April 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Borong

Perdagangan Borong meningkat 3.2 peratus tahun ke tahun, terutamanya disumbangkan oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau yang naik 7.7 peratus atau RM0.9 bilion kepada RM12.1 bilion (Carta 2). Ini diikuti oleh Jualan Borong Barangan Isi Rumah (5.4%), Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup (5.1%) dan Perdagangan Borong Tanpa Pengkhususan (8.5%).

Sebaliknya, bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Borong menurun -1.1 peratus, terutamanya dipengaruhi oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau dan Jualan Borong Barangan Isi Rumah yang menurun masing-masing dengan -2.1 peratus dan -1.7 peratus.

Carta 14: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, April 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Kenderaan Bermotor

Subsektor Kenderaan Bermotor merosot 5.1 peratus dipengaruhi oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang merosot 17.3 peratus atau RM1.4 bilion untuk merekodkan RM6.8 bilion. Ini diikuti oleh Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal dengan penurunan sebanyak 29.8 peratus tahun ke tahun (**Carta 3**).

Bagi perbandingan dengan bulan sebelumnya, jualan bagi subsektor Kenderaan Bermotor menyusut sebanyak 19.8 peratus, terutamanya disebabkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang jatuh 33.5 peratus.

Carta 15: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, April 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Volum

Bagi prestasi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan pertumbuhan 4.7 peratus tahun ke tahun pada April 2023. Peningkatan ini disumbangkan oleh Perdagangan Runcit dan Perdagangan Borong yang mana masing-masing mencatatkan pertumbuhan 10.0 peratus dan 3.4 peratus. Sebaliknya, Kenderaan Bermotor merosot 9.0 peratus berbanding bulan yang sama tahun lepas. Bagi indeks volum pelarasan musim, ia meningkat 6.5 peratus bulan ke bulan (**Carta 4**).

Carta 16: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong & Runcit, April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Jualan Runcit bagi Negara-Negara Terpilih

Jadual 5: Prestasi Indeks Perdagangan Runcit Bagi Negara-Negara Terpilih, April 2023 (Tahun ke Tahun)

Singapore	Hong Kong	United Kingdom	South Korea	Indonesia
2.3	13.3	-3.4	-1.1	1.0

Sumber: Laman web rasmi agensi statistik terpilih

Melihat kepada prestasi indeks jualan runcit mengikut negara terpilih, Hong Kong, Singapore dan Indonesia masing-masing mencatat pertumbuhan positif sebanyak 13.3 peratus, 2.3 peratus dan 1.0 peratus pada April 2023 (Jadual 1). Jualan runcit di Hong Kong mengalami lonjakan yang ketara iaitu 13.3 peratus, terutamanya disebabkan oleh pembukaan sempadan dengan Mainland China. Begitu juga, Singapore turut mengalami peningkatan bulanan ketiga berturut-turut dalam jualan runcit, terutamanya didorong oleh pertumbuhan ketara dalam jualan alkohol, kosmetik dan peralatan mandian. Pertumbuhan ini sejajar dengan peningkatan dalam ketibaan pelancong. Sementara itu, jualan runcit bagi Indonesia berkembang 1.0 peratus pada April 2023, didorong oleh peningkatan Jualan Runcit Barangan Kesenian & Rekreasi, termasuk peningkatan Jualan Runcit Peralatan Isi Rumah serta Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan.

Sebaliknya, South Korea dan United Kingdom mencatat pertumbuhan negatif pada bulan ini, masing-masing jatuh 1.1 peratus dan 3.4 peratus.

Prospek bagi Mei 2023

Meninjau ke hadapan, Sektor Perdagangan Borong & Runcit dijangka mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang positif, walaupun pada kadar yang agak perlahan. Pertumbuhan bulanan bagi Mei juga dijangka meningkat berbanding April, sebahagiannya disumbangkan oleh hari bekerja yang lebih panjang.


Perdagangan Barangan

Melangkah ke suku tahun kedua 2023, prestasi perdagangan Malaysia berada pada trajektori menurun pada April 2023 didorong senario ekonomi global yang menyederhana di samping penurunan harga komoditi utama perdagangan. Di dalam negara, perubahan tahunan indikator ekonomi bulanan utama turut mempamerkan situasi yang sama. Nilai jualan sektor Pembuatan berkurang 2.0 peratus (Mac 2023: +8.0%) dan Indeks Pengeluaran Perindustrian menyusut 3.3 peratus (Mac 2023: +3.2%). Pada masa yang sama, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit merekodkan pertumbuhan yang lebih perlahan 6.3 peratus pada April 2023 (Mac 2023: +11.9%), manakala Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan peningkatan 4.7 peratus (Mac 2023: +9.4%). Walaupun begitu, kadar pengangguran pada April kekal pada 3.5 peratus (Mac 2023: +3.5%). Jumlah dagangan Malaysia pada April 2023 merosot 14.5 peratus daripada RM231.7 bilion pada April 2022 kepada RM198.0 bilion. Pertumbuhan negatif ini disumbangkan oleh penurunan kedua-dua eksport dan import. Eksport mencatatkan pengurangan 17.4 peratus kepada RM105.4 bilion, manakala import menurun 11.1 peratus kepada RM92.6 bilion. Sementara itu, lebihan dagangan menyusut 45.3 peratus kepada RM12.8 bilion berbanding tahun sebelumnya. Berbanding Mac 2023, eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan masing-masing menurun 18.7 peratus, 10.1 peratus, 14.9 peratus dan 51.9 peratus.

Dari perspektif rakan dagangan, penyusutan eksport pada April 2023 didorong oleh penurunan terutamanya ke European Union (EU) yang menurun RM3.5 bilion, diikuti oleh China (-RM3.4 bilion), United States of America (USA) (-RM3.1 bilion), Taiwan (-RM1.9 bilion) dan Japan (-RM1.6 bilion). Sementara itu, penurunan import pula didorong oleh import yang kurang memberangsangkan dari Indonesia (-RM3.0 bilion), diikuti oleh Japan (-RM2.1 bilion), China (-RM1.7 bilion), Taiwan (-RM1.4 bilion) dan USA (-RM1.2 bilion). China, Singapore, USA dan EU mendominasi prestasi perdagangan Malaysia pada April 2023 dengan jumlah sumbangan 47.8 peratus (April 2022: 46.2 %).

Eksport Malaysia pada April 2023 menurun 17.4 peratus tahun ke tahun kepada RM105.4 bilion daripada RM127.6 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi yang kurang memberangsangkan ini disumbangkan terutamanya penyusutan berterusan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (-RM4.3 bilion, -34.8%) dan Barangan elektrik & elektronik (E&E) (-RM3.1 bilion, -6.5%). Sementara itu, eksport Sarung tangan getah merosot untuk bulan ke-20 berturut-turut, dengan penurunan 64.0 peratus tahun ke tahun kepada RM0.8 bilion daripada RM2.2 bilion pada April 2022 (Carta 1). Manakala, Keluaran petroleum bertapis merupakan satu-satunya produk dalam kalangan sepuluh produk utama yang menunjukkan prestasi meningkat pada April 2023 dengan kenaikan RM2.5 bilion (+30.1%). Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit merupakan produk eksport utama Malaysia pada April 2023, dengan sumbangan agregat 59.6 peratus (April 2022: 53.1%).


Carta 17: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Seiring dengan penurunan eksport, import turut merekodkan penurunan pada April 2023 dengan penguncupan 11.1 peratus tahun ke tahun kepada RM92.6 bilion daripada RM104.1 bilion pada April 2022. Hal ini didorong terutamanya oleh Barangan E&E (-RM4.5 bilion, -14.3%), Petroleum mentah (-RM1.9 bilion, -36.6%) dan Tembaga (-RM0.4 bilion, -22.4%) (Carta 2). Namun begitu, Keluaran petroleum bertapis meningkat 37.1 peratus kepada RM11.4 bilion daripada RM8.3 bilion setahun yang lalu, mengekalkan trend pertumbuhan dua angka bagi bulankelima berturut-turut. Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah menjadi penyumbang utama kepada import Malaysia pada April 2023 dengan sumbangan kumulatif 45.3 peratus (April 2022: 43.5%).


Carta 18: Perubahan Peratusan Tahunan Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Mendepani senario ekonomi global yang semakin mencabar, perdagangan sebahagian besar rakan dagang utama turut menunjukkan trend negatif pada April 2023 kecuali eksport oleh China dan Japan (Carta 3).

Carta 19: Perubahan Pertausan Tahunan Eksport dan Import bagi 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (%), April 2023



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi bulan rujukan April 2023 menunjukkan penurunan dalam jumlah dagangan RM33.7 bilion atau 14.5 peratus kepada RM198.0 bilion, tahun ke tahun. Penurunan jumlah dagangan disumbangkan oleh semua negeri terutamanya Pulau Pinang yang menurun sebanyak RM9.5 bilion (-15.4%), diikuti oleh Selangor RM8.2 bilion (-15.9%), Melaka RM3.8 bilion (-47.2%), Sarawak RM3.6 bilion (-27.4%), Perak RM2.4 bilion (-34.1%), Sabah RM1.9 bilion (-38.8%), W.P. Kuala Lumpur RM812.9 juta (-6.4%), Kedah RM749.9 juta (-7.0%), Pahang RM721.5 juta (-13.4%), Johor RM591.2 juta (-1.3%), Negeri Sembilan RM408.8 juta (-7.1%), Terengganu RM112.1 juta (-5.7%), W.P Labuan RM111.4 juta (-9.8%), Kelantan RM47.5 juta (-8.6%) dan Perlis RM13.8 juta (-6.2%).


Jumlah eksport pada bulan April 2023 menurun RM22.2 bilion (-17.4%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah oleh kebanyakan negeri iaitu (-RM6.6 bilion), Pulau Pinang (-RM4.1 bilion), Sarawak (-RM2.9 bilion), Johor (-RM2.6 bilion), Sabah (-RM2.0 bilion), Perak (-RM1.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM1.1 bilion), Pahang (-RM628.6 juta), Melaka (-RM472.6 juta), W.P. Labuan (-RM113.8 juta), Kelantan (-RM79.0 juta), Terengganu (-RM66.8 juta) dan Perlis (-RM30.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Kedah sebanyak RM111.6 juta dan Negeri Sembilan (+RM26.6 juta) (Paparan 1).

SEKTOR LUARAN

Pada masa yang sama, import juga menurun RM11.5 bilion (-11.1%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah oleh kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (-RM5.4 bilion), Melaka (-RM3.3 bilion), Selangor (-RM1.7 bilion), Perak (-RM1.2 bilion), Kedah (-RM861.5 juta), Sarawak (-RM682.5 juta), Negeri Sembilan (-RM435.5 juta), Pahang (-RM92.9 juta) dan Terengganu (-RM45.3 juta). Walau bagaimanapun, import meningkat di Johor sebanyak RM2.0 bilion, W.P. Kuala Lumpur (+RM284.1 juta), Sabah (+RM94.8 juta), Kelantan (+RM31.5 juta), Perlis (+RM16.2 juta) dan W.P. Labuan (+RM2.4 juta).

Lima negeri kekal menguasai eksport negara, menyumbang 82.2 peratus kepada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 31.5 peratus, diikuti oleh Johor (21.7%), Selangor (17.3%), Sarawak (7.0%) dan Kedah (4.6%) Sementara itu, bagi import, Selangor merupakan penyumbang utama dengan 27.3 peratus, diikuti oleh Johor (23.3%), Pulau Pinang (20.3%), W.P. Kuala Lumpur (7.9%) dan Kedah (5.5%).

Paparan 2: Eksport dan Import mengikut Negeri, April 2022 dan April 2023



Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau periklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Prestasi perdagangan Malaysia mengekalkan trend negatif pada Mei 2023, namun pada kadar yang lebih baik. Jumlah perdagangan menurun 2.0 peratus daripada RM228.3 bilion pada bulan yang sama tahun lepas kepada RM223.8 bilion. Eksport menyusut kecil 0.7 peratus kepada RM119.6 bilion, manakala import menguncup 3.3 peratus kepada RM104.2 bilion. Sementara itu, lebih dagangan bertambah 21.4 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM15.4 bilion. Berbanding April 2023, eksport, import, jumlah perdagangan dan lebih perdagangan masing-masing bertumbuh positif dua angka 13.7 peratus, 12.6 peratus, 13.2 peratus dan 22.1 peratus.

Di sebalik prestasi perdagangan global yang kurang meyakinkan pada suku tahun pertama 2023, Barometer Perdagangan Barangan, World Trade Organization yang terkini semakin stabil dan mengunjurkan bahawa perdagangan mungkin memulih pada suku tahun kedua 2023. Mengambil kira bacaan terkini, nilai indeks bertambah baik kepada 95.6 mata daripada 92.2 mata pada Mac, namun masih di bawah nilai asas 100. Ini menunjukkan kestabilan di bawah aliran dan permulaan peningkatan dalam volum dagangan barangan. Syarat yang bercampur-campur ini, bagaimanapun, memberi petunjuk kepada laluan yang mungkin mencabar ke arah pemulihan perdagangan.

Nota: Artikel ini merujuk kepada statistik awalan daripada penerbitan bulan rujukan.


Senario Buruh

Malaysia dan umat Islam di seluruh dunia menyambut bulan suci Ramadan dan Aidilfitri pada April 2023. Pada masa ini, rakyat Malaysia tidak sabar menanti untuk mengunjungi bazar yang meriah di seluruh negara yang menawarkan pelbagai makanan dan minuman supaya mereka boleh mendapatkan juadah yang paling lazat untuk berbuka puasa. Orang bukan Islam juga mengambil peluang ini untuk menikmati pelbagai juadah dengan harga yang berpatutan. Sehubungan itu, peniaga kecil turut merebut peluang ini untuk menambah pendapatan mereka. Walaupun aktiviti ekonomi di bazar meningkat apabila ekonomi Malaysia beransur pulih kesan daripada pandemik, orang ramai mengambil langkah berjimat cermat dengan perbelanjaan mereka.

Sehubungan itu, dari segi situasi pasaran buruh, bilangan penduduk bekerja terus meningkat, menunjukkan pertumbuhan sebanyak 0.2 peratus, menunjukkan peningkatan sebanyak 28.4 ribu orang untuk merekodkan 16.25 juta orang (Mac 2023: 16.22 juta orang). Berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas, terdapat peningkatan sebanyak 397.9 ribu orang dengan pertumbuhan sebanyak 2.5 peratus (April 2022: 15.85 juta orang).

Pada bulan ini, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menggambarkan keupayaan ekonomi untuk menjana guna tenaga, kekal pada 67.5 peratus berbanding bulan lepas (Mac 2023: 67.5%). Perbandingan bulan yang sama pada tahun sebelumnya, nisbah ini meningkat sebanyak 0.8 mata peratusan daripada 66.7 peratus (Carta 20).

Carta 20: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, Januari 2020 – April 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu mencatatkan penurunan sebanyak 8.2 ribu orang (-8.7%) kepada 86.5 ribu orang (Mac 2023: 94.8 ribu orang). Berbanding dengan bulan yang sama tahun sebelumnya, kategori ini juga mencatatkan trend yang sama, menurun sebanyak 2.0 peratus atau 1.8 ribu orang (April 2022: 88.3 ribu orang). Kumpulan ini yang kemungkinan besar tidak dapat bekerja buat sementara waktu, tidak dikira sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan untuk kembali bekerja.

SENARIO BURUH

Dari segi pekerjaan mengikut kategori, kategori pekerja yang merangkumi 75.5 peratus daripada jumlah bekerja meningkat sebanyak 0.1 peratus, bersamaan dengan +11.7 ribu orang yang mencatatkan 12.28 juta orang berbanding 12.26 juta orang pada Mac 2023 dalam tempoh yang sama. Pada masa yang sama, bilangan penduduk bekerja sendiri juga meningkat sebanyak 0.4 peratus (+11.9 ribu orang) kepada 2.92 juta orang (Mac 2023: 2.91 juta orang). Kumpulan ini terutamanya terdiri daripada golongan berpendapatan harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit, penjaja, penjual di pasar dan gerai, serta pekebun kecil (**Carta 21**).


Carta 21: Penduduk Bekerja mengikut Taraf Pekerjaan, Mac 2023 dan April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada bulan tersebut, bilangan penganggur merekodkan penurunan sebanyak 0.3 peratus (-1.8 ribu orang) kepada 586.9 ribu orang (Mac 2023: 588.7 ribu orang). Sementara itu, kadar pengangguran kekal pada 3.5 peratus pada April 2023. Secara tahunan, bilangan penganggur turun sebanyak 9.6 peratus atau 62.4 ribu orang berbanding 649.3 ribu orang pada April 2022. Begitu juga, kadar pengangguran pada bulan ini menurun sebanyak 0.4 mata peratus (April 2022: 3.9%) (**Carta 22**).

Carta 22: Penganggur dan Kadar Pengangguran, Januari 2020 – April 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Mengikut kategori penganggur, sebahagian besar penganggur adalah penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Kategori ini merangkumi 80.4 peratus daripada jumlah penganggur, mencatatkan penurunan sebanyak 0.2 peratus (-1.0 ribu orang) kepada

471.9 ribu orang (Mac 2023: 472.9 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, 61.2 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala mereka yang menganggur melebihi setahun merangkumi 6.5 peratus. Selain itu, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, mencatatkan penurunan bulan ke bulan sebanyak 0.6 peratus (-0.7 ribu orang) kepada 115.1 ribu orang (Mac 2023: 115.8 ribu orang) **(Carta 23)**.


Carta 23: Kategori Penganggur dan Tempoh Menganggur, Mac 2023 dan April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada bulan ini, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun mencatatkan penurunan sebanyak 0.1 mata peratus kepada 11.1 peratus, merekodkan seramai 315.6 ribu penganggur belia (Mac 2023: 11.2%; 317.3 ribu orang). Sementara itu, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun turut merekodkan penurunan sebanyak 0.4 mata peratus kepada 6.7 peratus, dengan bilangan penganggur belia seramai 441.0 ribu orang (Mac 2023: 7.1%; 454.9 ribu orang) **(Carta 24)**.

Carta 24 Penganggur Belia dan Kadar Pengangguran Belia, Januari 2020 – April 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SENARIO BURUH

Selain itu, bilangan tenaga buruh pada April 2023, terus berada pada trend menaik dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus (+26.7 ribu orang) kepada 16.84 juta orang (Mac 2023: 16.81 juta orang). Begitu juga, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) April meningkat 0.1 peratus dengan 70.0 peratus (Mac 2023: 69.9%). Perbandingan tahun ke tahun, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 2.0 peratus (+335.6 ribu orang) berbanding 16.50 juta orang pada April 2022. Oleh itu, KPTB bertambah sebanyak 0.6 mata peratus berbanding 69.4 peratus pada April 2022 (**Carta 25**).


Carta 25: Tenaga buruh dan KPTB, Januari 2020 – April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbandingan bulan ke bulan, bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada April 2023 terus berada pada trend menurun dengan pengurangan sebanyak 2.4 ribu orang (-0.03%) kepada 7.23 juta orang (Mac 2023: 7.23 juta orang). Sementara itu, bilangan penduduk di luar tenaga buruh terus berkurangan sebanyak 42.0 ribu orang (-0.6%) tahun ke tahun (April 2022: 7.27 juta orang). Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan antara sebab utama luar tenaga buruh dengan peratus sumbangan sebanyak 43.6 peratus, diikuti oleh kategori bersekolah/ latihan (40.5%) (**Carta 26**).

Carta 26: Peratus Sumbangan Penduduk Luar Tenaga Buruh mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan, Mac 2023 dan April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Ekonomi Malaysia dijangka akan terus berkembang positif pada 2023 walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding tahun lepas. Jangkaan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk permintaan domestik yang berterusan, kedudukan pasaran buruh yang lebih baik, trend inflasi yang lebih stabil dan peningkatan ketibaan pelancong. Pemulihan aktiviti pelancongan dijangka memberi kesan yang menggalakkan ke atas pertumbuhan sektor pelancongan dan industri berkaitan dengannya.

Indeks Harga Pengguna

Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia pada April 2023 kepada 3.3 peratus berbanding Mac 2023 (3.4%) (Carta 27). Peningkatan dalam IHP di Malaysia didominasi oleh Restoran & Hotel (6.6%) dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (6.3%). Namun begitu, peningkatan lebih perlahan bagi kumpulan Pengangkutan iaitu 2.3 peratus (Mac 2023: 2.4%) telah mengurangkan keseluruhan IHP di Malaysia.

Selain itu, peningkatan dalam IHP di Malaysia turut didorong oleh kenaikan kumpulan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.0%); Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.5%), Kesihatan (2.1%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.8%). Pendidikan dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain masing-masing merekodkan peningkatan sebanyak 1.6 peratus. Kedua-dua Minuman Alkohol & Tembakau dan Pakaian & Kasut masing-masing meningkat sebanyak 0.6 peratus dan 0.5 peratus berbanding April 2022 Berbanding April 2022, Pakaian & Kasut dan Minuman Alkohol & Tembakau masing-masing meningkat sebanyak 0.6% dan 0.5%.

Carta 27: IHP Keseluruhan, Pengangkutan dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun), April 2022 - April 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

IHP bagi Pengangkutan merekodkan peningkatan lebih perlahan 2.3 peratus pada April 2023 berbanding Mac 2023 (2.4%) yang disumbangkan oleh subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian yang meningkat kepada 1.5 peratus (Mac 2023: 1.6 peratus) pada April 2023. Selain itu, peningkatan turut disumbangkan oleh Perkhidmatan Pengangkutan (13.5%) dan Pembelian kenderaan (2.1%) pada bulan April 2023.

Purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 merekodkan penurunan kepada negatif 12.8 peratus pada April 2023 (RM3.35 seliter) berbanding April 2022 (RM3.84 seliter). Ini adalah kesan langsung daripada penurunan harga minyak mentah Brent (-20.5%) kepada \$AS84.11 setong pada April 2023 (**Carta 28**).

Carta 28: Purata Harga Bahan Api, April 2022 – April 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP meningkat pada 6.3 peratus berbanding Mac 2023 (6.9%). Sebanyak 194 item daripada 230 item Makanan, atau 84.3 peratus telah merekodkan kenaikan harga berbanding April 2022. Komponen Makanan di rumah yang menyumbang 57.4 peratus daripada wajaran kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol mencatatkan peningkatan lebih perlahan sebanyak 5.0 peratus berbanding 5.6 peratus pada Mac 2023. Selain itu, komponen Makanan di luar rumah juga mencatatkan kenaikan yang lebih perlahan sebanyak 8.1 peratus berbanding Mac 2023 (8.6%) (**Jadual 6**).

Jadual 6: Perubahan Peratus Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun), April 2023

Kumpulan Utama	Wajaran	Tahun ke Tahun (%) April 2023
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	6.3
Makanan	28.4	6.3
Makanan Di Rumah	16.9	5.0
Beras, Roti & Bijirin Lain	3.5	6.4
Daging	2.5	9.2
Ikan & Makanan Laut	4.0	3.1
Susu, Keju & Telur	1.5	7.0
Minyak & Lemak	0.6	-0.4
Buah-buahan	1.2	5.1
Sayur-sayuran	2.1	0.7
Gula, Jem, Madu, Coklat & Manisan	0.6	3.5
Keluaran Makanan t.t.t.l.	1.0	8.2
Makanan Di Luar Rumah	11.5	8.1
Kopi, Teh, Koko & Minuman Bukan Alkohol	1.1	5.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sesetengah negeri mungkin mengalami hari yang lebih kering akibat Monsun Barat Daya, yang dijangka bermula pada tempoh Mei 2023 dan berlangsung sehingga September 2023. Oleh itu, senario ini akan menjejaskan inflasi pada Mei 2023.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) mengalami penurunan 3.0 peratus pada April 2023 berbanding penurunan 2.9 peratus pada Mac 2023.

Trend penurunan ini disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam sektor Pertanian, perhutanan & perikanan dan Perlombongan. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan terus menunjukkan trend negatif selama sepuluh bulan berturut-turut, yang mencatatkan penurunan sebanyak 26.0 peratus (Mac 2023: -28.7%). Buah tandan segar kelapa sawit iaitu komponen terbesar dalam sektor ini jatuh negatif 40.3 peratus pada April 2023 berbanding negatif 43.5 peratus pada Mac 2023. Sektor Perlombongan turut merosot sebanyak 4.7 peratus pada April 2023 berbanding penurunan 11.5 peratus pada bulan sebelumnya, kesan kejatuhan indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-12.5%). Sementara itu, sektor Pembuatan merekodkan peningkatan marginal 0.1 peratus (Mac 2023: 1.4%) disebabkan oleh peningkatan signifikan indeks Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (7.2%) dan Pembuatan kelengkapan elektrik (4.7%). Begitu juga, sektor Bekalan air dan Bekalan Elektrik & gas, masing-masing meningkat sebanyak 3.2 peratus dan 0.1 peratus. Bagaimanapun, indeks Pembuatan produk makanan (-7.3%) dan Pembuatan kok & produk petroleum ditapis (-1.7%) telah menurun.

Pada perbandingan bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan mencatatkan peningkatan marginal 0.2 peratus pada April 2023 berbanding 0.3 peratus pada bulan sebelumnya. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 0.8 peratus, disebabkan peningkatan dalam indeks Penanaman tanaman kekal (1.1%). Sektor Perlombongan mencatatkan peningkatan 0.5 peratus (Mac 2023: -0.6%), seiring dengan peningkatan indeks Pengekstrakan petroleum mentah (1.5%). Sektor Pembuatan pula mencatatkan meningkat perlahan 0.1 peratus (Mac 2023: -0.1%), disebabkan oleh indeks Pembuatan produk makanan (0.9%) dan Pembuatan kimia & produk kimia (0.7%). Namun begitu, sektor Bekalan elektrik & gas turun kepada negatif 0.6 peratus berbanding 0.5 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya, manakala sektor Bekalan air tidak berubah. **(Jadual 7)**


Jadual 7: Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, April 2022, Mac 2023 dan April 2023

Sektor	Kod	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus (%)					
				Tahun ke Tahun			Bulan ke Bulan		
				Apr 2022	Mac 2023	Apr 2023	Apr 2022	Mac 2023	Apr 2023
JUMLAH		100.00	118.9	11.0	-2.9	-3.0	0.2	0.3	0.2
Pertanian, perhutanan & perikanan	A	6.73	128.5	18.0	-28.7	-26.0	-2.9	4.8	0.8
Perlombongan	B	7.93	97.0	18.4	-11.5	-4.7	-6.6	-0.6	0.5
Pembuatan	C	81.57	120.7	9.8	1.4	0.1	1.4	-0.1	0.1
Bekalan elektrik & gas	D	3.44	117.9	0.6	1.4	0.1	0.7	0.5	-0.6
Bekalan air	E	0.33	117.4	1.2	3.3	3.2	0.2	-0.3	0.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks bahan mentah untuk indeks pemprosesan selanjutnya susut kepada negatif 17.6 peratus pada April 2023 (Mac 2023: -21.0%) disebabkan penurunan negatif 21.3 peratus dalam indeks Bahan bukan makanan. Bahan perantara, bekalan & komponen turun negatif 0.1 peratus pada bulan ini (Mac 2023: 1.5%) disebabkan oleh penurunan dalam indeks Bahan & komponen untuk pembuatan (-4.7%) dan Bekas (-2.0%). Bagaimanapun, indeks Barang siap meningkat 3.5 peratus (Mac 2023: 3.9%) manakala indeks Kelengkapan modal dan Barangan pengguna siap masing-masing meningkat 4.1 peratus dan 2.8 peratus.

**Carta 29: Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemrosesan
(Tahun ke Tahun) , April 2022 – April 2023**



Dalam Global Commodity Market Outlook terkini, edisi April 2023, Bank Dunia menyatakan bahawa harga komoditi dijangka 21 peratus lebih rendah secara keseluruhan pada 2023 berbanding pada tahun 2022. Secara khusus, ini merujuk kepada harga tenaga, minyak mentah, harga pertanian dan baja. Pencerobohan Russia ke atas Ukraine telah memberi kesan kepada aktiviti ekonomi yang perlahan dan pengagihan semula aliran perdagangan komoditi global. Harga semua komoditi utama akan kekal di atas paras harga purata mereka dari 2015 hingga 2019 walaupun terdapat jangkaan kejatuhan yang ketara tahun ini.

Ekonomi global, terutamanya di North America dan Europe, menunjukkan daya tahan yang luar biasa di sebalik pelaksanaan polisi kewangan yang ketat. Inflasi terus mereda di kebanyakan negara disumbangkan oleh penurunan harga bahan api. Sementara itu, rantaian bekalan bertambah baik apabila lebih banyak negara mengubah pendirian terhadap COVID-19 dan tidak melaksanakan langkah drastik seperti sekatan pergerakan. Sementara di peringkat domestik, Bank Negara Malaysia menaikkan Kadar Dasar Semalaman buat kali pertama pada 2023 sebanyak 25 mata asas kepada 3.00 peratus, berubah daripada keputusan yang telah diambil dalam dua mesyuarat terdahulu. Ringgit Malaysia kekal dalam tekanan dan mencatatkan rekod terendah baharu berbanding Dolar Singapura pada Jun 2023. Sementara itu, beberapa petunjuk ekonomi menunjukkan perubahan trend berbanding pada Mac 2023 atau merekodkan pertumbuhan yang lebih perlahan

Dari segi perdagangan antarabangsa, jumlah perdagangan pada April 2023 menurun 14.5 peratus kepada RM198.0 bilion berbanding RM231.7 bilion yang dicatatkan pada April 2022, disumbangkan oleh eksport dan import yang menyusut, masing-masing 17.4 peratus dan 11.1 peratus. Situasi ini menyumbang kepada penurunan dua angka lebih dagangan 45.3 peratus tahun ke tahun kepada RM12.8 bilion. Melangkah ke Mei 2023, prestasi perdagangan Malaysia terus menunjukkan trend negatif, walaupun pada kadar yang lebih baik. Jumlah dagangan menyusut 2.0 peratus kepada RM223.8 bilion berbanding RM228.3 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Eksport menunjukkan sedikit penurunan 0.7 peratus kepada RM119.6 bilion, manakala import berkurang 3.3 peratus kepada RM104.2 bilion. Namun begitu, lebih dagangan melonjak 21.4 peratus kepada RM15.4 bilion berbanding tahun sebelumnya.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mencatatkan pertumbuhan negatif 3.3 peratus pada April 2023, perubahan trend daripada pertumbuhan positif 3.2 peratus yang dicatatkan pada Mac 2023. Prestasi kurang memberangsangkan ini didorong oleh penurunan semua komponen IPP. Indeks pembuatan yang merupakan penyumbang terbesar kepada IPP menurun 3.0 peratus (Mac 2023: 4.1%), diikuti perlombongan dengan negatif 4.9 peratus (Mac 2023: 0.8%) dan elektrik dengan negatif 2.0 peratus (Mac 2023: 0.4%). Sementara itu, nilai jualan juga merosot 2.0 peratus (Mac 2023: 8.0%) kepada RM145.0 bilion, didorong industri berorientasikan eksport (sumbangan 71.5%) dengan penurunan 3.4 peratus. Namun begitu, pertumbuhan 1.6 peratus yang dicatatkan oleh industri berorientasikan domestik mengimbangi penurunan keseluruhan.

Selain itu, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan pertumbuhan satu angka 6.3 peratus tahun ke tahun pada April 2023, mencecah RM136.0 bilion (Mac 2023: 11.9%). Pertumbuhan yang lebih perlahan dipengaruhi oleh penurunan mendadak segmen Kenderaan Bermotor 5.1 peratus kepada RM14.6 bilion (Mac 2023: 9.3%). Walau bagaimanapun, prestasi kukuh segmen Perdagangan runcit yang berkembang 12.9 peratus (Mac 2023: 17.7%) kepada RM60.5 bilion dan pertumbuhan sederhana Perdagangan Borong yang bertumbuh 3.2 peratus kepada RM60.9 bilion (Mac 2023: 7.6%) memberikan sedikit sokongan kepada sektor ini. Prestasi Indeks Harga Pengguna, mereda kepada 3.3 peratus pada April 2023 berbanding 3.4 peratus yang dicatatkan pada Mac 2023. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar menyusut 3.0 peratus berbanding penurunan 2.9 peratus pada Mac 2023, disumbangkan oleh penurunan sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan dan Perlombongan. Bagi prestasi IHP terkini yang tersedia iaitu Mei 2023, inflasi Malaysia terus mereda kepada 2.8 peratus, mencatatkan 130.2 mata. Di samping itu, IHPR terus menurun kepada negatif 4.6 peratus pada Mei 2023.

Meninjau dari sudut pasaran buruh, bilangan penduduk bekerja meningkat 2.5 peratus kepada 16.25 juta orang pada April 2023 (April 2022: 15.85 juta orang) tahun ke tahun. Pada asas bulanan bilangan penduduk bekerja meningkat 0.2 peratus berbanding Mac 2023 (16.22 juta orang). Pada masa yang sama, kadar pengangguran pada April 2023 tidak berubah berbanding Mac 2023 pada 3.5 peratus.

Indeks Pelopor bagi April 2023 susut 2.7 peratus kepada 108.4 mata, dan Indeks Pelopor terlicin kekal di bawah 100.0 mata, menggambarkan pertumbuhan yang lebih perlahan pada bulan-bulan akan datang. Tambahan pula, jumlah perdagangan pada Mei 2023 terus merosot 2.0 peratus. Nilai mata wang yang semakin melemah dilihat akan memberi lebih tekanan kepada inflasi, terutamanya bagi produk makanan yang diimport. Bagaimanapun, penurunan inflasi kepada 2.8 peratus pada Mei 2023 dijangka memberi sedikit kelegaan kepada perbelanjaan pengguna. Prestasi ekonomi semasa menggambarkan gabungan antara cabaran dan peluang. Walaupun perdagangan antarabangsa dan pengeluaran perindustrian berdepan momentum penguncupan, perkembangan positif dalam guna tenaga dan pertumbuhan yang stabil dalam sektor tertentu menginspirasi harapan untuk masa depan. Pilihan raya negeri akan datang di Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Selangor, Terengganu dan Negeri Sembilan dijangka mewujudkan kesan limpahan kepada aktiviti ekonomi terutamanya subsektor pengangkutan, penginapan, restoran dan Perdagangan runcit. Melihat ke hadapan, prospek ekonomi dilihat kekal mencabar berikutan permintaan yang semakin perlahan dan konflik berpanjangan Ukraine-Russia, yang akan terus memberi kesan terhadap harga.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



INDIKATOR EKONOMI

INDIKATOR (Nilai)		2022												2023			SUMBER DATA	
		Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Oktr	Nov	Dic	Jan	Feb	Mac	Apr				
1.0 KELUARAN DALAM NEGERI KASAR																		
1.1 Harga Malar 2015																		
2.0 KOMODITI																		
2.1 GETAH																		
2.1.1 Pengeluaran																		
2.1.2 Harga																		
